

KELAS MEMBACA PRIMAREADERS (KAEDAH FONIK)

Panduan Ibu Bapa

Apa Itu Fonik?

1. Primary percaya melalui kaedah fonik yang digunakan dalam Program kami, anak-anak akan lebih mudah dan pantas membaca pada usia yang muda.
2. Kaedah fonik merupakan satu kaedah membaca yang menghubungkan bunyi yang paling kecil di dalam bahasa pertuturan yang diwakili oleh simbol-simbol. Simbol-simbol ini diwakili oleh huruf-huruf. Sebagai contoh, apabila anak melihat simbol “a”, dia akan menyebut bunyi “aa” dan simbol “b” sebagai “beh”, bukan nama huruf.
3. Program ini juga menekankan konsep gabung bunyi untuk menghasilkan bunyi perkataan yang dibaca bukannya mengeja. Modul yang digunakan untuk kelas Bacaan Fonik ini ialah **‘Bacalah Anakku’** manakala kelas Phonics Reading menggunakan modul **‘ReadEasy’** yang mempunyai tiga tahap iaitu **‘Beginner’**, **‘Intermediate’** dan **‘Advanced’**. Kesemua modul yang digunakan disusun menggunakan kaedah fonik.

Objektif

1. Program ini bertujuan untuk memberi kemahiran membaca kepada anak anda supaya dapat membaca pada usia awal. Walau bagaimanapun, kejayaan program ini bergantung kepada:
 - i. **Sokongan ibu bapa di rumah**
 - ii. **Tahap kesediaan membaca anak-anak**
 - iii. **Kesediaan ibu bapa mengikuti saranan program**

Perlaksanaan

1. Program ini berjalan 3 kali seminggu, 1 jam bagi setiap sesi (bagi sesi WEEKDAYS) dan 2 kali seminggu, 1.5 jam bagi setiap sesi (sesi WEEKENDS). Sekiranya terdapat sebarang perubahan tarikh dan masa, pihak pengurusan Primary akan memaklumkan pada ibu bapa.

Syarat Pelaksanaan

1. Komitmen Primaly, ibu bapa & pelajar

Kehadiran bagi kesemua sesi adalah diwajibkan. Hal ini kerana, perkembangan tahap pembacaan para pelajar boleh terganggu sekiranya menyertai program ini separuh jalan atau pun kerap tidak hadir ke kelas. Ibu bapa juga disarankan untuk **menghantar anak ke kelas pada masa yang ditetapkan.**

2. Penglibatan ibu bapa



Demi memastikan keberkesanan program ini, kami menerapkan Konsep **Simbiosis Tiga Hala** di mana kami tidak hanya melibatkan guru-guru dengan para pelajar sahaja, malah amat menitik beratkan penglibatan ibu bapa supaya:

- i. **Memantau anak-anak** menyiapkan kerja rumah yang diberikan.
- ii. Mencari peluang **membaca bersama anak** untuk mengikuti perkembangan pembacaannya.
- iii. **Tidak mengeja** mana-mana perkataan apabila mengajar anak di rumah.
- iv. **Menyebut bunyi fonik** sahaja bukannya nama huruf.
- v. Memberi **sokongan dan galakan positif** sepanjang masa.
- vi. Menggalakkan anak belajar **membaca di rumah** pada masa terluang terutamanya pada hari tidak ada kelas.
- vii. **Memaklumkan sebarang kelemahan anak** kepada pihak pengurusan Primaly.

Peraturan Program

1. Yuran

- i. Yuran mesti **dibayar** sebelum/pada **10hb setiap bulan**.
- ii. Yuran tidak akan dikembalikan jika pelajar menyertai program ini separuh jalan atau pun kerap tidak hadir ke kelas.
- iii. Yuran boleh dibayar di kaunter pendaftaran Primaly atau melalui atas talian.

RHB Bank

Bravometer Sdn Bhd

26233500043272

2. Jadual waktu

- i. Jadual waktu seperti mana yang telah ditetapkan. Ibu bapa hendaklah menghantar anak mengikut masa yang ditetapkan dan mengambilnya pulang tepat pada masa kelas berakhir. Sebarang kemalangan atau kejadian tidak diingini yang berlaku di luar waktu kelas tidak menjadi tanggungjawab Primaly.
- ii. Primaly berhak mengubah masa dan jadual waktu kelas mengikut kesesuaian.

3. Hal-hal Lain

- i. Primaly berhak menasihatkan tuan/puan untuk memberhentikan anak-anak yang tidak mempunyai kesediaan membaca atau pun mempunyai masalah sahsiah yang tidak dapat dikawal.
- ii. Ibu bapa yang ingin memberhentikan anak dari Program PrimaReaders hendaklah memberi **notis** selewat-lewatnya 2 minggu sebelum.